

Permit Import kenderaan luar dikekalkan: PM

Kuala Lumpur: Permit Import (AP) bagi kenderaan asing dikekalkan dalam Dasar Automotif Negara 2020 (NAP 2020).

Ia bagi membolehkan kerajaan mengawal kemasukan kenderaan supaya menepati piawaian yang ditetapkan.

Menegaskan demikian, Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, berkata pengekalan AP adalah penting bagi memastikan kenderaan yang ditawarkan ke-

pada rakyat menepati kualiti ditetapkan.

“Pasaran Malaysia adalah sangat terbuka. Kita dapat lihat pelbagai jenis kereta berada di negara kita. Sebab itu, kita perlu mengawalnya bagi menjaga kepentingan rakyat.

“Itulah sebab mengapa lesen kekal supaya kualiti yang diterima pelanggan adalah daripada pengeluaran,” katanya kepada pemberita pada sidang media selepas me-

lancarkan NAP 2020 di sini, semalam.

Yang turut hadir, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Darell Leiking dan Timbalannya, Dr Ong Kian Meng; Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Lokman Hakim dan Ketua Pegawai Eksekutif Institut Automotif, Robotik dan IoT Malaysia (MARii), Datuk Madani Sahari.

Sebelum ini, kerajaan tidak ber-cadang untuk memansuhkan AP, sebaliknya mengkaji semula sistem bagi mengekang wujudnya pihak yang bertindak sebagai ‘Ali Baba’ menjualnya kepada pihak ketiga untuk meraih keuntungan.

Bagi menjaga kepentingan usahawan Bumiputera, Dr Mahathir berkata, golongan itu yang banyak terbabit dalam bahagian pengeluaran akan diberikan pendidi-

kan dari segi keperluan pema-saran bagi meningkatkan daya saingnya.

“NAP 2020 akan melihat bagaimana untuk menyediakan latihan kepada syarikat Bumiputera bagi menangani impak AP,” katanya.

Kemudahan AP terbuka diberikan kepada syarikat Bumiputera layak untuk terbabit dalam import kereta dan motosikal terpakai yang diluluskan dalam sistem AP Terbuka.

BH- 22/2/2020 M/S: 2